



● Zulkifli berhasrat mengembangkan usaha pertanian cilinya ke pasaran luar.

Mahu jadi usahawan cili

Sinar Harian 19/05/2010
M/S 26

KAMPUNG MELAYU RASA
-Minat mendalam terhadap pertanian selain ingin bergelar usahawan mendorong Zulkifli Haron, 45, beralih daripada kerjaya profesional kepada bidang pertanian.

Walaupun pada asalnya Zulkifli bekerja sebagai pegawai bank, namun dia ingin menyahut seruan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar yang menyatakan pertanian sebenarnya satu perniagaan.

Bertitik tolak daripada itu, Zulkifli berhenti kerja dan menumpukan sepenuhnya usahanya dalam pertanian.

Kini, Zulkifli mampu berbangga dengan usaha awalnya selama hampir lima bulan mengusahakan tanaman cili kulai merah kerana dalam tempoh itu dia sudah mampu mengutip hasil tanamannya yang sudah pun dipasarkan ke sekitar Lembah Klang.

"Alhamdulillah, usaha saya sudah membuahkan hasil. Pada peringkat pertama saja saya dapat memetik hasil cili daripada 500 pokok yang ditanam.

"Insyallah dalam tempoh empat bulan akan datang saya harap hasil cili ini akan bertambah dan hasrat untuk memperluaskan pasaran akan tercapai," katanya.

Bermodalkan sumber kewangan peribadi sebanyak RM50,000, beliau berjaya mengusahakan tanaman cili kulai merah di atas tanah seluas dua ekar

yang disewanya selama lima tahun.

Menurutnya, selain tanaman cili, beliau turut mengusahakan tanaman sampingan seperti kacang panjang, pisang, limau nipis dan limau kasturi.

Malah, Zulkifli turut mengusahakan ternakan ikan talapia di dalam kolam tanah yang kini menempatkan sebanyak 500 ekor.

"Saya berhasrat untuk mengembangkan usaha ini dengan jumlah tanaman yang lebih banyak dan di atas tanah yang lebih luas memandangkan permintaan cili semakin tinggi.

"Sekarang saya hanya mampu mengusahakannya di atas tanah pajakan ini disebabkan kekurangan modal, tetapi insyaAllah sekiranya berhasil saya akan kembangkan lagi dan mempelbagaikan jenis tanaman," katanya.

Menurutnya, permohonan bantuan daripada Jabatan Pertanian yang dibuat sebelum ini masih tidak diluluskan.

Bagaimanapun, beliau bersyukur kerana Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi dapat membantu dengan pemberian RM17,000 untuk pembelian peralatan pertanian.

Zulkifli berharap, agensi atau badan yang berkaitan di bawah Kementerian Pertanian akan dapat memberi perhatian seterusnya membantu beliau mengembangkan usaha berkenaan.